

# Permintaan tinggi rokok berjenama punca penyeludupan berleluasa


**K**OTA BHARU: Permintaan tinggi terhadap rokok berjenama tanpa cukai di kalangan pengguna menyebabkan aktiviti penyeludupan masih berlaku di negeri itu.

Kegiatan itu terbongkar apabila sepasukan anggota Bahagian Penguatkuasaan, Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Rantau Panjang melakukan serbuan di sebuah rumah di Kampung Lak Lok Dalam, Jerneh, Terengganu, pada 18 Disember lalu, kira-kira jam 12.15 tengah malam.

Bagaimanapun, ketika serbuan, tiada seorang pun berada dalam premis berkenaan, sebaliknya KDRM hanya menemui 134 kotak dan enam bungkusan guni mengandungi pelbagai rokok berjenama.

Hasil pemeriksaan menemui 6,649 karton rokok putih dan keretek bernilai RM67,684 manakala anggaran cukai pula RM574,875.30.

Pengarah KDRM Kelantan, Salleh Mohamed, berkata sebelum serbuan, pasukannya membuat pengawasan dan intipan hampir sejam di kawasan



**RAMPAS...Salleh (kanan) menunjukkan rampasan rokok seludup berjenama, semalam.**

rumah yang tidak berpenghuni itu.

Menurutnya, rokok dirampas itu tidak mempunyai tanda dakwat keselamatan kerana ia barang larangan import yang diasasat mengikut Seksyen 135 Akta Kastam 1967.

“Mengikut seksyen itu, sesiapa yang melakukan kesalahan boleh didenda tidak kurang 10 kali nilai rokok dirampas dan tidak lebih 20 kali nilai atau penjara tiga tahun atau kedua-dua sekali jika sa-

bit kesalahan.

“Serbuan dilakukan itu juga hasil maklumat orang ramai yang mengenali pasti kegiatan berkenaan sebelum memaklumkan kepada KDRM,” katanya, semalam.

Katanya, pihaknya tidak menolak kebanjiran rokok tanpa cukai yang dibawa masuk secara haram memberi pilihan kepada pengguna untuk mendapatkannya dengan cara mudah.